

220,000 Usahawan Dapat Pinjaman Tekun Berjumlah RM22.2 Bilion Sejak 1998
Bernama
31 Julai, 2012

SINTOK, 31 Julai (Bernama) -- Seramai 220,000 orang usahawan kecil telah menikmati bantuan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) yang mengeluarkan pinjaman berjumlah RM2.2 bilion kepada mereka sejak penubuhan agensi itu pada 1998 sehingga Jun lepas.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tekun Nasional, Datuk Abdul Rahim Hassan berkata Tekun akan kekal sebagai pemberi pinjaman mikro dan tidak berhasrat bersaing dengan pemberi pinjaman makro seperti Mara dan bank.

"Peranan agensi memberi pinjaman mudah kepada usahawan kecil khususnya Bumiputra Melayu yang baru memulakan perniagaan sangat signifikan dan matlamat ini tidak akan diubah.

"Aktiviti peminjam Tekun memberi kesan positif terhadap ekonomi mereka apabila 7.5 orang dari setiap 10 peminjam membayar balik pinjaman. Ini kejayaan baik," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Tekun Nasional di Hotel EDC-UUM di sini, Selasa.

Mengikut MoU itu, ketiga-tiga pihak akan bekerjasama dalam aspek latihan praktikal pelajar UUM di samping berkongsi kepakaran untuk melahirkan masyarakat atau usahawan berpengetahuan tinggi, berinovasi dan berpendapatan tinggi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684398>

